

**JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA**

Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia,  
Bahagian Perkastaman,  
Aras 4 Utara,  
Kompleks Kementerian Kewangan,  
No. 3, Persiaran Perdana, Presint 2,  
62596 PUTRAJAYA,  
MALAYSIA.



Telefon : +603 8882 2645  
Faksimili : +603 8889 5866  
Laman Web : www.customs.gov.my

Rujukan Kami : KE.HE(44)001/01-3(A)Kit.13( 65 )  
Tarikh : 4 Jamadilakhir 1438H  
3 Mac 2017

**SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN A**

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

**PELAKSANAAN SISTEM DEMERIT EJEN KASTAM**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

- Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Kastam Diraja Malaysia telah melakukan kajian pelaksanaan Sistem Demerit Ejen Kastam terhadap kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh ejen kastam yang dilantik di bawah Seksyen 90 Akta Kastam 1967.
- Sehubungan dengan itu Sistem Demerit Ejen Kastam akan dilaksanakan berkuatkuasa mulai **15 Mac 2017** yang akan merangkumi kesalahan-kesalahan seperti berikut terlebih dahulu iaitu:-

BIL	JENIS KESALAHAN		HUKUMAN	TINDAKAN	DEMERIT
	SEKSYEN	KETERANGAN			
1.	133 (1) (a)	Dagangan yang diikrar tidak sama dengan dagangan sebenar.	Denda mahkamah tidak melebihi RM500,000 atau penjara tidak lebih dari 5 tahun atau kedua-duanya.	Kesalahan akan disiasat oleh Bahagian Penguatkuasaan Negeri.	Kebenaran ejen digantung sementara menunggu keputusan siasatan oleh Bahagian Penguatkuasaan Negeri.

**BERKHIDMAT MENYEJAHTERAKAN RAKYAT**

BIL	JENIS KESALAHAN		HUKUMAN	TINDAKAN	DEMERIT
	SEKSYEN	KETERANGAN			
					Kebenaran ejen dibatalkan jika disabitkan oleh kesalahan mahkamah atau dikenakan demerit 41 (digantung) jika dikenakan tindakan kompau oleh Bahagian Penguatkuasaan Negeri.
2.	133(1)(c)	Memalsukan dokumen.	Denda mahkamah tidak melebihi RM500,000 atau penjara tidak lebih dari 5 tahun atau kedua-duanya.	Kesalahan akan disiasat oleh Bahagian Penguatkuasaan Negeri.	Kebenaran ejen digantung sementara menunggu keputusan siasatan oleh Bahagian Penguatkuasaan Negeri.  Kebenaran ejen dibatalkan jika disabitkan oleh kesalahan mahkamah atau dikenakan demerit 41 (digantung) jika dikenakan tindakan kompau oleh Bahagian Penguatkuasaan Negeri.
3.	133(1)(d)	Menukar atau meminda apa-apa dokumen atau	Denda mahkamah tidak melebihi RM500,000	Kesalahan akan disiasat oleh Bahagian	Kebenaran ejen digantung sementara menunggu

BIL	JENIS KESALAHAN		HUKUMAN	TINDAKAN	DEMERIT
	SEKSYEN	KETERANGAN			
		tandatangan secara frod.	atau penjara tidak lebih dari 5 tahun atau kedua-duanya	Penguatkuasaan Negeri.	keputusan siasatan oleh Bahagian Penguatkuasaan Negeri.  Kebenaran ejen dibatalkan jika disabitkan kesalahan oleh mahkamah atau dikenakan demerit 41 (digantung) jika dikenakan tindakan kompaun oleh Bahagian Penguatkuasaan Negeri.
4.	135(1)	Melakukan pelbagai kesalahan menyeludup (termasuk kegiatan fly by night).	Kesalahan pertama: Denda mahkamah tidak kurang dari 10 kali dan tidak lebih dari 20 kali jumlah duti atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya.  Kesalahan kedua dan seterusnya: Denda mahkamah tidak kurang dari 20 kali dan tidak lebih dari 40 kali	Kesalahan akan disiasat oleh Bahagian Penguatkuasaan Negeri.	Kebenaran ejen digantung sementara menunggu keputusan siasatan oleh Bahagian Penguatkuasaan Negeri.  Kebenaran ejen dibatalkan jika disabitkan kesalahan oleh mahkamah atau dikenakan demerit 41 (digantung) jika dikenakan tindakan kompaun oleh Bahagian Penguatkuasaan Negeri.

BIL	JENIS KESALAHAN		HUKUMAN	TINDAKAN	DEMERIT
	SEKSYEN	KETERANGAN			
			Jumlah duti atau penjaratidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya.		


4. Tempoh penggantungan kebenaran ejen bagi tindakan kompaun oleh Bahagian Penguatkuasaan Negeri adalah sekurang-kurangnya tiga (3) bulan dan tidak melebihi enam (6) bulan. Carta aliran proses pelaksanaan demerit ejen kastam adalah seperti di Lampiran B yang disertakan bersama-sama dengan surat ini.

5. Kajian terhadap kesalahan-kesalahan lain akan diteruskan bagi tujuan penambahbaikan Sistem Demerit Ejen Kastam bagi memastikan ianya dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Sebarang pindaan akan dimaklumkan kepada pihak industri dari semasa ke semasa.

6. Kerjasama dan perhatian YBhg. Dato'/Tuan/Puan mengenai pelaksanaan dasar baru ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih. Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menurut perintah,

  
**(DATO' HJ. ZULKIFLI BIN YAHYA)**  
 Timbalan Ketua Pengarah Kastam  
 (Perkastaman & GST)  
 b.p Ketua Pengarah Kastam  
**MALAYSIA**

### CARTA ALIRAN PROSES DEMERIT

